

02 SEP 1997

Mahathir-keputusan

SAYA AKAN MENGUNDUR DIRI BILA TIBA MASANYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan membuat keputusan untuk mengundurkan diri sebagai Perdana Menteri apabila masanya tiba nanti.

"Masanya akan tiba. Apabila masanya tiba, saya akan membuat keputusan pada masa itu," kata beliau semasa temu bual secara langsung melalui program Q&A, CNN malam ini.

Dr Mahathir menjawab soalan oleh pengentara Riz Khan sama ada beliau akan terus kekal sebagai perdana menteri.

Terdahulu seorang pemanggil dari United Kingdom bertanya, : "Apa akan berlaku kepada Malaysia selapas beliau mengundurkan diri?"

Dr Mahathir menjawab: Saya tidak fikir banyak perkara .. atau sesuatu yang sangat radikal berlaku cuma kerana saya "tiada lagi". Kita mempunyai kepimpinan yang sangat bekerjasama dan padu. Di Malaysia sejak 40 tahun yang lalu para pemimpin silih berganti tanpa sebarang kekacauan dan sekarang saya telah menentukan pengganti saya.. oleh itu tidak seharusnya ada masalah."

"Cuma masalahnya ialah bila saya akan mengundurkan diri. Ia sukar ditentukan tetapi saya agak saya akan dapat membaca tanda-tandanya," kata beliau.

Kepada soalan apakah ciri yang harus terdapat pada penggantinya- seorang yang berwawasan atau seorang pengurus, Dr Mahathir berkata, : "Saya fikir lebih kepada pengurus berbanding wawasan."

"Orang yang terus memandang ke hadapan tetapi tidak melakukan sesuatu tidakan akan mencapai apa yang disaskannya."

Dr Mahathir juga berkata terdapat sokongan terhadapnya di rantau ini dan juga di luar rantau ini dan ini tersirat dalam banyak perkara.

"Apabila saya di luar negara, ramai berkata mereka beranggapan tinggi terhadap Malaysia dan mereka beranggapan Malaysia sebagai satu model. Oleh itu, apabila sampai masanya saya tidak disukai lagi dan saya harus mengundurkan diri," kata beliau.

Berkaitan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengekalkan nilai-nilai Asean memandangkan banyak nilai-nilai Barat masuk ke Asean, Dr Mahathir berkata, : "Kita mesti menggariskan apa dia nilai-nilai Asean dan kita perlu menyakinkan diri kita ia tidak rendah kepada apa yang dikatakan nilai-nilai Barat. Sesungguhnya nilai-nilai Asean sebenarnya adalah nilai universal."

"Orang Barat pernah menggunakan nilai-nilai yang sama sebelum ini, tetapi sekarang mereka mengetepikan nilai-nilai tersebut berikutan sikap mementingkan diri dan kebendaan terhadap kehidupan..oleh itu kita tidak boleh meniru mereka," kata beliau.

Semasa temu bual satu jam itu seorang pemanggil dari Singapura memuji Perdana Menteri dan pemanggil mengakui di antara para pemimpin Asean dia mengkagumi Dr Mahathir kerana keyakinannya dan keberaniannya.

Dr Mahathir juga ditanya apakah rahsianya beliau kelihatan "muda" berbanding umurnya dan beliau telah menjalani pembedahan jantung dan punyai jadual yang ketat.

"Saya tidak begitu tahu sepenuhnya, tetapi saya pernah menyatakan anda perlu "memilih" ibu bapa anda dengan bijaksana," kata beliau.

Soalan yang dihantar kepada Dr Mahathir adalah melalui faks, e-mail dan temu bual secara langsung dari England, Switzerland, Ireland, Indonesia, Lebanon, Hong Kong, Brazil, Singapura dan Malaysia. --BERNAMA

NZ RI